



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**KETETAPAN UMUM NO. 3/2026**

**TARIKH PENERBITAN: 22 MEI 2026**



**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2026  
Tarikh Penerbitan: 22 MEI 2026**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua pada 31 Disember 2021

Edisi pertama pada 20 Disember 2011

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi secara elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**Ketetapan Umum No. 3/2026  
Tarikh Penerbitan: 22 MEI 2026**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Perjanjian Cukai Dua Kali	2
5. Kredit Dua Belah Pihak	3
6. Kredit Sebelah Pihak	12
7. Pendapatan daripada Punca Asing dan Remitan	14
8. Dokumen yang Diperlukan untuk Tuntutan Pelepasan Cukai Dua Kali	15
9. Kemas kini dan Pindaan	16
10. Penafian	17

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan kredit dua belah pihak dan kredit sebelah pihak yang boleh dituntut oleh orang yang dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di Malaysia dan di negara lain.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 7, 8, 131, 132, 132A, 133, Jadual 6 dan Jadual 7.

## 3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Cukai asing” bermaksud –
  - (a) apa-apa cukai atas pendapatan (atau apa-apa cukai lain yang mempunyai banyak ciri-ciri serupa) yang boleh dikenakan atau dipertanggungjawabkan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia yang mana pendapatan yang sama terbit; dan
  - (b) berhubung dengan perenggan 132(4)(d) atau seksyen 132A termasuk cukai lain daripada setiap jenis yang dikenakan oleh atau di bawah undang-undang wilayah itu.
- 3.2 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP.
- 3.3 “Kredit dua belah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang, menurut apa-apa persetujuan yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132 ACP, dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia.
- 3.4 “Kredit sebelah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang harus dibayar di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia yang mana tiada persetujuan di bawah seksyen 132 ACP sedang berkuat kuasa.
- 3.5 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan sebagai suatu syarikat) termasuklah Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.

- 3.6 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.7 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran berdasarkan seksyen 7 atau 8 ACP.
- 3.8 “Pendapatan asing” bermaksud, berkaitan dengan –
- (a) kredit sebelah pihak, pendapatan yang terbit dari luar Malaysia yang dikenakan cukai asing;
  - (b) kredit dua belah pihak, pendapatan yang terbit dari luar Malaysia dan pendapatan terbit dari Malaysia yang dikenakan cukai asing.
- 3.9 “Tahun asas” bermaksud tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran bagi punca–
- (a) seorang selain daripada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi; atau
  - (b) syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau pertubuhan koperasi.
- 3.10 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar tertakluk kepada subseksyen 2(5) ACP.
- 3.11 “Taksiran” bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP.

#### **4. Perjanjian Cukai Dua Kali**

- 4.1 Cukai dua kali berlaku apabila dua negara mengenakan cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan yang sama atas orang yang dikenakan cukai yang sama.
- 4.2 Untuk mengurangkan kesan daripada pengenaan cukai dua kali atas pemastautin yang memperoleh pendapatan dari luar negara, banyak negara termasuk Malaysia telah membuat Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK).
- 4.3 Sekiranya PPPDK telah ditandatangani dengan negara lain, peruntukan yang sesuai di bawah Jadual 7 ACP hendaklah terpakai dengan membenarkan cukai asing yang kena dibayar sebagai pelepasan kredit dua belah pihak mengikut seksyen 132 ACP.

- 4.4 Penghapusan cukai dua kali adalah tertakluk kepada terma dan peruntukan seperti yang ditetapkan dalam PPPDK.
- 4.5 Dalam kes di mana tiada PPPDK dengan negara lain, pelepasan daripada cukai Malaysia dibenarkan secara satu pihak mengikut seksyen 133 ACP.

## **5. Kredit Dua Belah Pihak**

Di bawah PPPDK, jika pendapatan yang sama dikenakan cukai di kedua-dua negara, pelepasan secara kredit yang dikenali sebagai kredit dua belah pihak akan diberikan. Peraturan am yang menentukan kredit dua belah pihak adalah seperti berikut:

- (a) Kelayakan untuk menuntut

Kredit dua belah pihak boleh dituntut oleh orang yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran itu.

- (b) Pendapatan asing berhubung dengan suatu tempoh yang bertindih dengan tempoh asas suatu tahun taksiran

Dalam kes pendapatan asing yang dikenakan cukai asing untuk suatu tempoh yang bertindih dengan tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, hanya amaun pendapatan berkaitan dengan tempoh bertindih yang relevan diambil kira. Kredit dua belah pihak hanya boleh dibenarkan berhubung dengan pendapatan yang telah dibahagikan mengikut tempoh bertindih yang jatuh dalam tempoh asas untuk tahun taksiran yang berkenaan.

- (c) Kredit dua belah pihak dibenarkan hanya sekali

Dalam kes di mana pendapatan asing dikenakan cukai Malaysia atau cukai asing lebih daripada sekali, kredit dua belah pihak boleh dibenarkan untuk tahun taksiran berhubung amaun cukai asing yang dikenakan atas pendapatan asing itu. Kredit yang dibenarkan tidak boleh melebihi amaun cukai Malaysia yang dikenakan atas pendapatan asing itu dan jika sebarang kredit telah dibenarkan untuk tahun taksiran bagi cukai asing, maka tiada lagi kredit akan diberikan bagi cukai yang sama untuk mana-mana tahun taksiran yang lain.

- (d) Kredit dua belah pihak tidak boleh melebihi cukai Malaysia yang kena dibayar atas pendapatan asing

Kredit dua belah pihak untuk suatu tahun taksiran tidak boleh melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar untuk tahun taksiran itu.

- (e) Jumlah kredit dua belah pihak tidak boleh melebihi jumlah cukai Malaysia

Jumlah kredit dua belah pihak untuk mana-mana tahun taksiran tidak boleh melebihi jumlah cukai Malaysia yang kena dibayar atas pendapatan bercukai untuk tahun taksiran itu sebelum ditolak apa-apa kredit dua belah pihak.

- (f) Memilih tidak diberi pelepasan

Tiada kredit dua belah pihak akan diberi sekiranya seseorang memilih untuk tidak membuat tuntutan bagi suatu tahun taksiran.

- (g) Had masa untuk menuntut pelepasan

Kredit dua belah pihak untuk suatu tahun taksiran mesti dituntut dalam tempoh dua (2) tahun selepas akhir tahun taksiran itu. Tuntutan mestilah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

### Contoh 1

Adam, seorang pekerja syarikat kejuruteraan di Malaysia, telah dihantar untuk bertugas di United Kingdom (UK) dari 1.6.2021 hingga 31.3.2022. Beliau telah dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di Malaysia dan di UK. Semasa Adam mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan beliau di Malaysia untuk tahun taksiran 2021 pada 30.4. 2022, beliau tidak menuntut apa-apa kredit dua belah pihak sebab beliau telah kehilangan semua maklumat relevan dan dokumen berhubung cukai yang dibayar di UK.

Sekiranya Adam dapat memperoleh maklumat dan dokumen yang diperlukan, tuntutan kredit dua belah pihak boleh dibuat selewat-lewatnya pada 31.12.2023, iaitu dua (2) tahun selepas akhir tahun taksiran 2021.

Jika Adam membuat tuntutan kredit dua belah pihak pada 15.1.2024, beliau tidak layak ke atas tuntutan kredit tersebut kerana tuntutan yang dibuat telah melebihi tempoh dua (2) tahun selepas akhir tahun taksiran 2021.

- (h) Kredit berlebihan atau tidak mencukupi

Sekiranya jumlah kredit dua belah pihak yang dibenarkan adalah berlebihan atau tidak mencukupi disebabkan oleh pelarasan yang dibuat atas amaun cukai Malaysia atau cukai asing, had masa biasa di bawah ACP untuk membuat taksiran, permohonan untuk pelepasan atau memberi notis rayuan adalah tidak terpakai. Perkara ini perlu diambil perhatian bahawa had masa lima (5) tahun untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan selepas akhir suatu tahun taksiran tidak terpakai bagi kes dimana pelarasan berhubung kredit dua belah pihak perlu dibuat. Hal ini kerana tiada apa-apa peruntukan dalam ACP mengehendkan masa untuk membuat taksiran pindaan berpunca dari kredit dua

belah pihak yang berlebihan atau tidak mencukupi yang disebabkan oleh pelarasan cukai Malaysia atau cukai asing.

Apabila sesuatu taksiran atau taksiran pindaan dibuat kerana amaun kredit dua belah pihak dibenarkan adalah berlebihan atau tidak mencukupi disebabkan oleh pelarasan yang dibuat atas amaun cukai Malaysia atau cukai asing, permohonan untuk pelepasan atau notis rayuan boleh dibuat atau diberi dalam tempoh tidak lebih dari dua (2) tahun selepas tempoh sebarang taksiran, pelarasan atau penentuan telah dibuat (perenggan 10 Jadual 7 ACP).

### **Contoh 2**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali Adam mempunyai dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan pelepasan kredit dua belah pihak. Semakan audit dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atas taksiran yang dibuat oleh Adam bagi tahun taksiran 2021. Selepas semakan dibuat, didapati Adam telah berkurang lapor pendapatan. Dokumen yang dikemukakan untuk tuntutan kredit dua belah pihak hanya membuktikan sebahagian sahaja cukai yang dibayar di UK. Taksiran tambahan tahun taksiran 2021 telah dikeluarkan pada 31.7.2022 dan pelepasan kredit dua belah pihak yang dibenarkan adalah kurang daripada apa yang dituntut oleh Adam.

Jika Adam dapat mengemukakan dokumen yang diperlukan untuk membuktikan amaun cukai asing yang dibayar adalah seperti dituntut, beliau boleh memohon untuk pelepasan atau mengemukakan notis rayuan bagi kredit dua belah pihak yang tidak mencukupi sebelum 31.7.2024, iaitu dalam dua (2) tahun selepas 31.7.2022.

- (i) Rayuan terhadap amaun kredit

Mengikut perenggan 9 Jadual 7 ACP, seseorang boleh memohon kepada KPHDN untuk kredit dua belah pihak. Sekiranya orang itu tidak berpuas hati dengan keputusan KPHDN atas permohonannya, orang itu boleh dalam tempoh enam (6) bulan selepas dimaklumkan keputusan meminta KPHDN menghantar permohonannya kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) mengikut subseksyen 131(5) ACP.

### **Contoh 3**

Fakta adalah sama seperti Contoh 2 kecuali Adam tidak berpuas hati dengan taksiran tambahan yang dibangkitkan dan pelepasan kredit dua belah pihak yang dibenarkan pada 31.7.2022. Beliau memutuskan menggunakan haknya untuk merayu kepada PKCP.

Adam boleh memohon melalui borang yang ditetapkan kepada KPHDN untuk menghantar permohonan relif (yang telah dikemukakan sebelum ini kepada KPHDN) kepada PKCP dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat keputusan dimaklumkan.

(j) Kredit berlebihan

Kredit dua belah pihak yang tidak digunakan tidak boleh dihantar hadapan untuk diserap dalam tahun-tahun taksiran berikutnya.

(k) Pindaan kepada takrifan “pendapatan asing”

Berdasarkan pindaan kepada takrifan “pendapatan asing” berhubung kredit dua belah pihak mulai tahun taksiran 2007, pendapatan asing termasuk pendapatan yang dianggap diterima dari Malaysia dan dikenakan cukai asing. Sebelum tahun taksiran 2007, tidak terdapat kredit dua belah pihak untuk pendapatan tersebut.

#### Contoh 4

Mega Sdn Bhd, sebuah syarikat pemastautin di Malaysia menjalankan perniagaan perunding kejuruteraan. Syarikat mengekalkan modal berbayar saham biasa berjumlah RM3,000,000 sepanjang tahun. Bagi tahun berakhir 31.12.2023, syarikat telah memberi perkhidmatan perundingan kepada syarikat MGR Pte Ltd yang merupakan syarikat pemastautin di India. Mega Sdn Bhd tidak mempunyai *establishment* tetap di India. Keseluruhan perkhidmatan perundingan tersebut telah dilaksanakan di Malaysia.

Pembayaran bagi perkhidmatan perundingan berjumlah RM75,000 telah dibuat oleh MGR Pte Ltd pada 30.10.2023 dan amaun ini adalah tertakluk kepada cukai pegangan 10% di India. Pada masa yang sama pendapatan berjumlah RM75,000 tersebut juga dikenakan cukai di Malaysia kerana dianggap berpunca atau terbit dari Malaysia. Disebabkan pendapatan yang sama telah dikenakan cukai dua kali, sekali di Malaysia dan sekali lagi di India, Mega Sdn Bhd layak menuntut pelepasan cukai dua kali di dalam PPPDK antara Malaysia dan India. Sebelum pindaan, pelepasan dua kali di bawah seksyen 132 ACP hanya boleh dibenarkan ke atas pendapatan asing yang berpunca atau terbit dari luar Malaysia.

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007, Mega Sdn Bhd layak mendapat pelepasan cukai dua kali di bawah seksyen 132 ACP kerana pendapatan Malaysia yang tertakluk kepada cukai asing dianggap dan memenuhi takrifan sebagai pendapatan asing.

(l) Pengiraan kredit dua belah pihak

Formula adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing}^1 \text{ (pendapatan berkanun)}}{\text{Jumlah Pendapatan}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak}$$

Atau

Cukai asing yang kena dibayar yang mana lebih rendah

<sup>1</sup>Pendapatan asing termasuk pendapatan yang diperoleh daripada Malaysia dan dikenakan cukai asing

#### **Contoh 5**

Dalam Contoh 4, pendapatan Mega Sdn Bhd bagi tujuan pengiraan kredit dua belah pihak adalah seperti berikut:

Butiran	Pendapatan Perniagaan		Pendapatan Sewa [perenggan 4(d) ACP] RM
	Malaysia RM	India RM	
Pendapatan kasar	500,000	75,000	30,000
Perbelanjaan dibenarkan	80,000		5,000
Cukai pegangan	T/B	10%	T/B



**Pengiraan Cukai Dikenakan  
Tahun Taksiran 2023**

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan kasar perniagaan (Malaysia)		500,000
Pendapatan kasar perniagaan (India)		75,000
Pendapatan kasar perniagaan		<u>575,000</u>
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		80,000
Pendapatan berkanun perniagaan		<u>495,000</u>
Pendapatan kasar sewa	30,000	
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	5,000	
Pendapatan berkanun sewa		<u>25,000</u>
Pendapatan agregat/Jumlah pendapatan		<u><u>520,000</u></u>
Cukai pendapatan yang dikenakan (24%)		RM124,800
Cukai pegangan di India (10%)		RM7,500

Langkah-langkah menentukan kredit dua belah pihak

- (i) Pengiraan bahagian pendapatan berkanun berhubung pendapatan asing

Formula adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing (kasar)}}{\text{Pendapatan asing (kasar) dan pendapatan Malaysia (kasar) berhubung Punca yang sama}^2} \times \text{Pendapatan berkanun berhubung punca yang sama}$$
$$\frac{75,000}{575,000} \times 495,000$$

= RM64,565

Nota:

<sup>2</sup>Dalam kes ini, Mega Sdn Bhd menerima pendapatan asing dan pendapatan Malaysia daripada punca perniagaan. Oleh itu, kedua-dua pendapatan tersebut adalah dari punca yang sama.

(ii) Pengiraan kredit dua belah pihak

Pendapatan asing (pendapatan berkanun)	X	Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak
<hr/>		

Jumlah Pendapatan

<u>64,565</u>	X	124,800
520,000		

= RM15,496

Atau

= RM7,500,

yang mana lebih rendah.

Kredit dua belah pihak yang dibenarkan bagi tahun taksiran 2023 adalah RM7,500 kerana pendapatan perniagaan yang sama juga telah dikenakan cukai di India.

### Contoh 6

BBB Insurance Bhd, syarikat yang bermastautin di Malaysia dengan modal saham biasa berjumlah RM50,000,000 menjalankan perniagaan insurans am. Akaun tahunan syarikat ditutup pada 31 Disember dan maklumat yang diperolehi daripada akaun bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah seperti berikut:



**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2026  
Tarikh Penerbitan: 22 MEI 2026**

Butiran	Premium Bersih (Perniagaan)  RM '000	Pendapatan Pelaburan			
		Pendapatan Sewa  RM '000	Pendapatan Dividen (satu peringkat)  RM '000	Pendapatan Faedah	
				Malaysia  RM '000	UK  RM '000
Pendapatan kasar	140,000	38,000	28,000	11,000	1,015
Perbelanjaan dibenarkan	100,000	4,000	-	2,000	15
Cukai pegangan	T/B	T/B	T/B	T/B	100

BBB Insurance Bhd layak menuntut kredit cukai asing atas pendapatan faedah berjumlah RM1,015,000 daripada UK kerana pendapatan yang sama telah dicukai dua kali (Malaysia dan UK) di mana PPPDK wujud.

**Pengiraan Cukai Dikenakan**

**Tahun Taksiran 2022**

Butiran	RM	RM
Premium bersih		140,000,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan		100,000,000
Pendapatan berkanun perniagaan		<u>40,000,000</u>
Pendapatan kasar faedah (Malaysia)	11,000,000	



**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2026  
Tarikh Penerbitan: 22 MEI 2026**

Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	2,000,000	
Pendapatan berkanun faedah (Malaysia)		9,000,000
Pendapatan kasar faedah (UK)	1,015,000	
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	15,000	
Pendapatan berkanun faedah (UK)		1,000,000
Pendapatan kasar sewa	38,000,000	
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	4,000,000	
Pendapatan berkanun sewa		34,000,000
Pendapatan agregat/ Jumlah pendapatan		<u>84,000,000</u>
Cukai pendapatan yang dikenakan (24%)		RM20,160,000
Cukai pegangan di UK (10%)		RM100,000

Pengiraan kredit dua belah pihak

Pendapatan asing  
(pendapatan berkanun)

X Cukai Malaysia yang kena dibayar  
sebelum kredit dua belah pihak

Jumlah Pendapatan

$\frac{1,000,000}{84,000,000} \times 20,160,000$

= RM240,000

Atau

RM100,000,

yang mana lebih rendah.



Kredit dua belah pihak yang dibenarkan bagi tahun taksiran 2022 adalah RM100,000 kerana pendapatan faedah yang sama juga telah dikenakan cukai di UK.

## **6. Kredit Sebelah Pihak**

Di mana tidak ada PPPDK di antara Malaysia dan suatu negara asing, pelepasan kredit yang boleh diberikan dikenali sebagai kredit sebelah pihak. Kredit ini boleh dituntut oleh seseorang yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran dan yang dikenakan cukai Malaysia serta telah menanggung cukai berhubung dengan pendapatan yang sama di negara asing di mana pendapatan itu terbit. Peraturan am yang menetapkan kredit sebelah pihak adalah seperti berikut:

- (a) Peraturan serupa dengan penentuan kredit dua belah pihak

Kredit sebelah pihak dibenarkan dalam cara yang sama seperti kredit dua belah pihak. Rujuk perenggan 5(a) hingga 5(l) seperti di atas.

Berdasarkan takrifan “pendapatan asing” berhubung kredit sebelah pihak, kredit sebelah pihak hanya boleh dituntut bagi pendapatan yang terbit dari luar Malaysia yang dikenakan cukai asing. Hal ini menjelaskan bahawa pendapatan luar Malaysia yang terbit dari Malaysia tidak layak untuk tuntutan kredit sebelah pihak.

- (b) Pengiraan kredit sebelah pihak

Kredit cukai terhad kepada setengah daripada cukai asing yang kena dibayar atas pendapatan asing tahun berkenaan atau cukai Malaysia yang dikenakan berhubung dengan pendapatan asing tersebut yang juga dikenakan cukai, yang mana lebih rendah.

Formula adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing}^2}{\text{(pendapatan berkanun)}} \quad \times \quad \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit sebelah pihak}$$

Jumlah Pendapatan

Atau

½ daripada cukai asing, yang mana lebih rendah.



**KREDIT DUA BELAH PIHAK DAN  
KREDIT SEBELAH PIHAK**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2026  
Tarikh Penerbitan: 22 MEI 2026**

<sup>2</sup>Pendapatan asing bermaksud pendapatan yang diperolehi dari luar Malaysia

- (c) Seorang pekerja yang membayar cukai Malaysia dan cukai asing atas penggajian yang dijalankan di luar Malaysia boleh menuntut kredit sebelah pihak untuk cukai asing tidak kira sama ada beliau pemastautin di Malaysia atau tidak (perenggan 15 Jadual 7 ACP).

**Contoh 7**

Johan, seorang jurutera dengan syarikat minyak dan gas di Malaysia telah dihantar untuk bertugas di syarikat berkaitan di Belarus dari 1.1.2022 hingga 31.12.2023. Saraan Johan berjumlah RM100,000 dibayar oleh majikan di Malaysia dan beliau juga dibayar elaun berjumlah RM40,000 daripada syarikat di Belarus.

Johan tertakluk kepada cukai di Malaysia dan di Belarus seperti berikut:

<b>Tempoh</b>	<b>Cukai Dibayar di Malaysia RM</b>	<b>Cukai Dibayar di Belarus RM</b>
1.1.2022 – 31.12.2022	18,525	35,000
1.1.2023 – 31.12.2023	18,375	35,000

- (i) Pengiraan kredit sebelah pihak bagi tahun taksiran 2022

Pendapatan asing  
(pendapatan berkanun)

X Cukai Malaysia yang kena dibayar  
sebelum kredit sebelah pihak

---

Jumlah Pendapatan



$$= \frac{40,000}{140,000} \times 18,525$$

$$= \text{RM5,293}$$

Atau

$$\frac{1}{2} \text{ daripada RM35,000} = \text{RM17,500}$$

yang mana lebih rendah.

Kredit sebelah pihak bagi tahun taksiran 2022 adalah RM5,293.

(ii) Pengiraan kredit sebelah pihak bagi tahun taksiran 2023

$$= \frac{40,000}{140,000} \times 18,375$$

$$= \text{RM5,250}$$

Atau

$$\frac{1}{2} \text{ daripada RM35,000} = \text{RM17,500}$$

yang mana lebih rendah.

Kredit sebelah pihak bagi tahun taksiran 2023 adalah RM5,250.

## 7. Pendapatan daripada Punca Asing dan Remitan

- (a) Sebelum 1 Januari 2022, mengikut subperenggan 28(1) Jadual 6 ACP, pendapatan mana-mana orang, selain daripada syarikat bermastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans dan pengangkutan laut atau udara, bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran yang diperolehi daripada punca dari luar Malaysia dan diterima di Malaysia adalah dikecualikan cukai.
- (b) Sehubungan itu, kredit dua belah pihak dan kredit sebelah pihak adalah relevan hanya kepada pemastautin Malaysia yang –

- (i) menjalankan perniagaan perbankan, insurans dan pengangkutan laut atau udara; dan
  - (ii) mempunyai pendapatan asing yang telah dikenakan cukai asing walaupun pendapatan itu dianggap sebagai diperolehi daripada Malaysia.
- (c) Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2022 secara umumnya, semua jenis pendapatan berpunca dari luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin adalah dikenakan cukai tertakluk kepada pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan.
- (d) Sekiranya pendapatan tersebut telah dikenakan cukai asing, pemastautin Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP.
- (e) Mulai 1 Januari 2024, cukai keuntungan modal telah diperkenalkan di Malaysia. Mana-mana laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal dari luar Malaysia dan yang diterima di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai. Oleh itu, sekiranya pendapatan tersebut telah dikenakan cukai asing, pemastautin Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP.

#### **8. Dokumen yang Diperlukan untuk Tuntutan Pelepasan Cukai Dua Kali**

Antara dokumen yang berikut boleh dikemukakan untuk membuktikan cukai asing telah dibayar oleh pembayar cukai bagi pengiraan kredit dua belah pihak atau kredit sebelah pihak adalah seperti berikut:

- (a) notis taksiran daripada pihak berkuasa cukai asing atau resit bagi cukai yang dibayar; atau
- (b) penyata daripada pihak berkuasa cukai asing yang mengandungi butir-butir yang biasanya dinyatakan pada notis taksiran atau resit bayaran.

9. Kemaskini dan Pindaan

<b>Pindaan</b>													
<p>KU ini menggantikan KU No. 11/2021 bertarikh 31 Disember 2021.</p>	<p>Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Perenggan</th> <th>Pindaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Perenggan terdahulu 3.1, 3.5, 3.7 3.8, dan 3.10 dikemas kini</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Perenggan terdahulu 4.2, 4.3 dan 4.5 dikemas kini</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Perenggan 5, 5(h) dan 5(i) dipinda dan dikemaskini Contoh 1 hingga 6 dipinda dan dikemas kini</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">6</td> <td>Perenggan 6 and 6(a) dipinda dan dikemas kini  Perenggan 6(b) dipotong  Perenggan 6(c) dan 6(d) dinomborkan semula kepada 6(b) dan 6(c)  Contoh 7 dipinda dan dikemas kini</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">7</td> <td>Perenggan 7(a) dan 7(b) dipinda dan dikemaskini  Perenggan 7(c) dipotong  Perenggan baharu 7 (c), 7(d), dan 7(e) dimasukkan</td> </tr> </tbody> </table>	Perenggan	Pindaan	3	Perenggan terdahulu 3.1, 3.5, 3.7 3.8, dan 3.10 dikemas kini	4	Perenggan terdahulu 4.2, 4.3 dan 4.5 dikemas kini	5	Perenggan 5, 5(h) dan 5(i) dipinda dan dikemaskini Contoh 1 hingga 6 dipinda dan dikemas kini	6	Perenggan 6 and 6(a) dipinda dan dikemas kini  Perenggan 6(b) dipotong  Perenggan 6(c) dan 6(d) dinomborkan semula kepada 6(b) dan 6(c)  Contoh 7 dipinda dan dikemas kini	7	Perenggan 7(a) dan 7(b) dipinda dan dikemaskini  Perenggan 7(c) dipotong  Perenggan baharu 7 (c), 7(d), dan 7(e) dimasukkan
	Perenggan	Pindaan											
	3	Perenggan terdahulu 3.1, 3.5, 3.7 3.8, dan 3.10 dikemas kini											
	4	Perenggan terdahulu 4.2, 4.3 dan 4.5 dikemas kini											
	5	Perenggan 5, 5(h) dan 5(i) dipinda dan dikemaskini Contoh 1 hingga 6 dipinda dan dikemas kini											
	6	Perenggan 6 and 6(a) dipinda dan dikemas kini  Perenggan 6(b) dipotong  Perenggan 6(c) dan 6(d) dinomborkan semula kepada 6(b) dan 6(c)  Contoh 7 dipinda dan dikemas kini											
	7	Perenggan 7(a) dan 7(b) dipinda dan dikemaskini  Perenggan 7(c) dipotong  Perenggan baharu 7 (c), 7(d), dan 7(e) dimasukkan											



**10. Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**